



# KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (PERUBATAN)  
ARAS 7, BLOK E1, KOMPLEKS E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62590 PUTRAJAYA



Tel : 03-8883 1114  
Fax : 03-8883 1479  
Email : www.moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM-600-20/2/3 JLD. 14 (25)  
Tarikh : 2 Januari 2019

Semua Pengarah Kesihatan Negeri  
Semua Pengarah Hospital

YBhg. Datuk / Datu / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

## PENDAFTARAN PEGAWAI PERUBATAN SEBAGAI *TRAINEE* UNTUK PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN *PARALLEL PATHWAY* DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA.

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat dari Pejabat ini bertarikh 17 Februari 2014 [Ruj : KKM 87/P2-1/18 Jld 19 (53)] adalah berkaitan.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk / Datu / Dato' / Datin / Tuan / Puan sedia maklum, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha memantapkan pelaksanaan Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* KKM bagi memastikan Pakar Perubatan yang berkualiti dan profesional dapat dilahirkan melalui program latihan tersebut. Antara usaha yang telah dilakukan termasuklah pengenalan prosedur pendaftaran Pegawai Perubatan sebagai *trainee* program KKM sejak tahun 2014 bagi membolehkan pemantauan latihan dan prestasi *trainee* program tersebut dapat dilaksanakan.

3. Oleh yang demikian, sukacita Pejabat ini memaklumkan bahawa bermula **2 Januari 2019**, semua Pegawai Perubatan yang menyertai mana-mana Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* KKM dan telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan adalah **diwajibkan** berdaftar dengan Bahagian Perkembangan Perubatan KKM. Langkah ini



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. : QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. : QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. : MY-QMS 01897

bertujuan untuk menambahbaik proses pelaksanaan dan pemantauan latihan setiap *trainee* bagi memastikan latihan yang diterima setiap *trainee* sejajar dengan pelan latihan program dan dijalankan di bawah penyeliaan di kalangan Pakar Perubatan KKM yang bersesuaian.

4. Sehubungan itu, sukacita dilampirkan Borang Permohonan Pendaftaran *Trainee* Program Latihan Kepakaran Latihan *Parallel Pathway* di KKM (Borang BPAR2019) beserta panduan ringkas pendaftaran untuk perhatian dan susulan pihak YBhg. Datuk / Datu / Dato' / Datin / Tuan / Puan. Maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini boleh menghubungi Bahagian Perkembangan Perubatan [(Unit Kepakaran dan Subkepakaran Perubatan (Unit PGMSS)] di talian 03-8890 6053 / 8883 1114 atau menerusi e-mel [pgmss@moh.gov.my](mailto:pgmss@moh.gov.my) atau [urusetiaparallel@moh.gov.my](mailto:urusetiaparallel@moh.gov.my).


5. Oleh yang demikian, sukacita memohon kerjasama pihak YBhg. Datuk / Datu / Dato' / Datin / Tuan / Puan untuk memanjangkan perkara ini kepada Pegawai Perubatan yang berminat untuk menyertai Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* KKM serta Ketua-Ketua Jabatan yang berkaitan.

6. Sukacita dikemukakan untuk perhatian dan susulan YBhg. Datuk / Datu / Dato' / Datin / Tuan / Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' DR. HJ. BAHARU DIN DATO' TOK MUDA HJ. CHE AWANG NGAH  
(AMIC: 26639)  
PENGARAH PERKEMBANGAN PERUBATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**(DATO' DR. HJ. AZMAN HJ. ABU BAKAR)**

Timbalann Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. : QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. : QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. : MY-QMS 01897

- s.k - Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia
  - Pengarah Perkembangan Perubatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia
  - Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga  
Kementerian Kesihatan Malaysia
  - Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
  - Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
  - Pengarah  
Institut Penyelidikan Perubatan  
Kuala Lumpur
  - Semua Ketua Perkhidmatan Bidang Klinikal KKM



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. : QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. : QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. : MY-QMS 01897

# **PANDUAN PENDAFTARAN PEGAWAI PERUBATAN SEBAGAI TRAINEE PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN *PARALLEL PATHWAY* DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

## **1. Tujuan**

- 1.1. Panduan ini bertujuan untuk menerangkan tatacara pendaftaran seseorang Pegawai Perubatan sebagai *trainee* Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* di Kementerian Kesihatan Malaysia dan seterusnya membolehkan Pegawai menjalani latihan kepakaran tersebut mengikut pelan latihan program berkenaan di fasiliti yang bersesuaian.

## **2. Pengenalan**

- 2.1. KKM sentiasa berusaha memantapkan pelaksanaan Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* KKM bagi memastikan Pakar Perubatan yang berkualiti dan profesional dapat dilahirkan melalui program latihan tersebut.
- 2.2. Antara usaha yang telah dilakukan termasuklah pengenalan prosedur pendaftaran Pegawai Perubatan sebagai *trainee* program KKM sejak tahun 2014 bagi membolehkan pemantauan latihan dan prestasi *trainee* program tersebut dapat dilaksanakan.
- 2.3. Mulai **2 Januari 2019**, mana-mana Pegawai Perubatan yang ingin mengikuti Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* di fasiliti KKM diwajibkan berdaftar dengan Bahagian Perkembangan Perubatan KKM (BPP KKM) bagi membolehkan mereka menjalani latihan kepakaran di fasiliti KKM yang dikenalpasti sebagai fasiliti pengajar untuk program latihan tersebut.
- 2.4. Satu Urusetia di bawah Unit Kepakaran dan Subkepakaran Perubatan (unit PGMSS), Cawangan Pembangunan Profesion Perubatan, BPP KKM telah ditugaskan untuk menyelaras hal-hal berkaitan pendaftaran Pegawai Perubatan sebagai *trainee*.

### 3. Syarat-Syarat Pendaftaran Sebagai *Trainee* Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* di KKM

- 3.1. Pendaftaran adalah dibuka kepada Pegawai Perubatan dari mana - mana fasiliti KKM yang telah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Part 1 / Part A / *First Part* ataupun mana-mana peperiksaan yang setara dengan *Membership / Fellowship* bagi Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* di KKM yang diiktiraf.
- 3.2. Senarai Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* di KKM adalah seperti berikut:

<b>Bidang</b>	<b>Kelulusan</b>
Perubatan Dalaman	<i>Member of the Royal College of Physicians of United Kingdom / Ireland</i> – MRCP (UK / Ireland)
Pediatrik	<i>(Member of the Royal College of Paediatricians and Child Health of United Kingdom</i> – MRCPCH UK / Ireland
Obstetrik dan Ginekologi	<i>Member of the Royal College of Obstetricians and Gynaecologists of United Kingdom</i> – MRCOG UK
Psikiatri	<i>Member of the Royal College of Psychiatrists of United Kingdom)</i> – MRCPsych UK
Radiologi	<i>Fellow of the Royal College of Radiologists (Radiology) United Kingdom</i>
Onkologi Klinikal	<i>Fellow of the Royal College of Radiologists (Oncology) United Kingdom</i>
Oftalmologi	<i>Fellow of the Royal College of Ophthalmologists of United Kingdom (FRCOphth UK)</i>
Perubatan Keluarga	Graduate Certificate & Advanced Training in Family Medicine / Fellow of the Royal Australasian College of General Practice (GCFM/ATFM/FRACGP)
Perubatan Kecemasan	<i>Fellow of the Royal College of Emergency Medicine of United Kingdom (FRC EM UK)</i>

\* senarai sehingga 31 Disember 2018

- 3.3. Bagi Pegawai Perubatan yang mempunyai kelulusan *Member of the Royal College of Surgeons of United Kingdom / Ireland*, mereka juga boleh mengemukakan permohonan untuk berdaftar sebagai *trainee*.
- 3.4. Bagi Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* bidang Perubatan Forensik, Surgeri Kardiorasik, Surgeri Urologi serta Surgeri Plastik, hanya Pegawai Perubatan yang ditawarkan slot latihan oleh badan penganjur akan didaftarkan sebagai *trainee* secara automatik oleh Urusetia.
- 3.5. Urusetia boleh mempertimbangkan pendaftaran sebagai *trainee* untuk mana-mana latihan kepakaran *Membership / Fellowship* yang tidak tersenarai dalam perkara 3.2, 3.3 dan 3.4 secara *case-to-case basis*.
- 3.6. Urusetia juga akan membuat pemakluman berkenaan keperluan pendaftaran untuk Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* di KKM yang baru pada masa akan datang.

#### **4. Panduan Pengisian Borang Permohonan Pendaftaran**

- 4.1. Pegawai Perubatan yang ingin berdaftar sebagai *trainee* Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* di KKM perlu mengisi Borang Permohonan Pendaftaran *Trainee* Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* di KKM (Borang BPAR2019) (sila rujuk **Lampiran A**).
- 4.2. Bermula tahun 2019, Borang BPAR2019 akan digunakan bagi tujuan pendaftaran sebagai *trainee* dan akan menggantikan penggunaan borang-borang pendaftaran yang terdahulu.
- 4.3. Borang BPAR2019 perlu diisi dengan jelas dan lengkap serta dalam huruf besar (melainkan alamat emel yang perlu ditulis mengikut ejaan emel yang sebenar).
- 4.4. Borang Aku Janji perlu diisi dan ditandatangani Pegawai yang memohon dan disokong oleh Ketua Jabatan (Klinikal) pemohon.

- 4.5. Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai untuk mengisi borang pendaftaran dengan lengkap dan jelas serta mengemukakan maklumat dan dokumen sokongan yang benar dan sah.

## 5. Panduan Penghantaran Borang Permohonan Pendaftaran

- 5.1. Pemohon perlu mengisi dan mengemukakan senarai semak (sila rujuk **Lampiran B**) bersama borang-borang dan dokumen yang diperlukan kepada pejabat Pusat Tanggungjawab (PTJ) .
- 5.2. Semua dokumen berkenaan perlu disemak di peringkat PTJ sebelum dihantar dalam bentuk dokumen asal (*hard copy*) pada sela masa yang bersesuaian kepada:

Timbalan Pengarah Kanan  
Cawangan Pembangunan Profesion Perubatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 6, Blok E1, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya

dan / atau menerusi emel (dalam fail pdf) [urusetiaparallel@moh.gov.my](mailto:urusetiaparallel@moh.gov.my) .

- 5.3. Sesalinan dokumen berkenaan perlu dikemukakan juga kepada Bahagian Perubatan, Jabatan Kesihatan Negeri masing-masing.

## 6. Semakan Dokumen di Peringkat KKM dan Urusan Selanjutnya

- 6.1. Dokumen permohonan yang diterima akan disemak dan diproses Urusetia program.
- 6.2. Satu pemakluman awal penerimaan dokumen akan dikeluarkan Urusetia kepada pegawai dan pihak PTJ melalui emel dalam masa 7 hari bekerja setelah permohonan diterima.

- 6.3. Urusetia akan menghubungi Pegawai melalui emel ataupun panggilan telefon seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan sekiranya memerlukan pencerahan atau penjelasan lanjut tentang sebarang maklumat yang dikemukakan dalam permohonan Pegawai.
- 6.4. Maklumbalas penerimaan rasmi Pegawai sebagai *trainee* Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* di KKM akan dikeluarkan Urusetia melalui surat rasmi dan emel kepada pegawai dan sesalinan kepada pihak PTJ dan Jabatan Kesihatan Negeri dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh dokumen diterima.

## 7. Hal-Hal Lain.

- 7.1. Untuk rujukan Pegawai Perubatan, contoh Borang BPAR2019 yang telah diisi dengan lengkap adalah seperti **Lampiran C**.
- 7.2. Bagi sesetengah bidang dalam Program Latihan Kepakaran *Parellel Pathway* di KKM, tarikh pendaftaran dalam program adalah dikira sebagai hari pertama latihan kepakaran bermula. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab Pegawai untuk mengambil maklum dan berbincang dengan penyelarasan program / penyelia latihan berkenaan perkara ini.
- 7.3. Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai untuk memastikan bahawa beliau mempunyai sebarang maklumbalas (awal atau rasmi) berkenaan pendaftaran sebagai *trainee* dari KKM dalam masa 14 hari bekerja.
- 7.4. **Kegagalan untuk Pegawai Perubatan berdaftar sebagai *trainee* Program Latihan Kepakaran *Parellel Pathway* di KKM berkemungkinan boleh menjejaskan latihan kepakaran beliau dan kelayakan beliau untuk menjalani proses pra-warta sebagai Pakar Perubatan.**
- 7.5. Bagi Pegawai Perubatan yang sedang menjalani latihan kepakaran Sarjana Perubatan dan ingin juga untuk berdaftar sebagai *trainee* Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* di KKM dalam bidang kepakaran yang sama, Pegawai boleh mengemukakan permohonan untuk berdaftar sebagai *trainee*. Namun demikian, Pegawai Perubatan perlu mengutamakan keperluan latihan dalam Sarjana Perubatan terlebih dahulu.



7.6. Bagi Pegawai Perubatan Siswazah, mereka boleh mengemukakan permohonan pendaftaran tetapi pengesahan penerimaan sebagai *trainee* akan dikeluarkan selepas pegawai tamat latihan siswazah dengan jayanya. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab Pegawai untuk menghubungi Unit PGMSS setelah menamatkan latihan siswazah dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh

Unit Kepakaran dan Subkepakaran Perubatan (Unit PGMSS)  
Cawangan Pembangunan Profesion Perubatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 6, Blok E1, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya  
No. Telefon : 03 -8890 6053 / 8890 6056 / 8883 1114  
Emel : [urusetiaparallel@moh.gov.my](mailto:urusetiaparallel@moh.gov.my) / [pgmss@moh.gov.my](mailto:pgmss@moh.gov.my)

31 Disember 2018

**BORANG PERMOHONAN PENDAFTARAN *TRAINEE* PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN  
PARALLEL PATHWAY DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Sila isikan borang dalam HURUF BESAR (melainkan alamat e-mel)

1.	Negeri	
2.	Hospital	
3.	Jabatan Bertugas	

**MAKLUMAT PEGAWAI PERUBATAN ( PEMOHON )**

1.	Nama Penuh		
2.	No. Kad Pengenalan		Umur
3.	Jantina		Bangsa
4.	No. Telefon bimbit		
5.	Alamat E-mel		
6.	No Pendaftaran MMC		Penuh / Sementara

**MAKLUMAT PERKHIDMATAN**

1.	Tarikh Latihan Siswazah	Mula :	Tamat :
2.	Jenis Lantikan	Tetap / Kontrak	
3.	Tarikh Pengesahan Jawatan (bagi Pegawai Perubatan Lantikan Tetap)		

**BIDANG LATIHAN KEPAKARAN YANG DIPOHON (Satu Bidang Sahaja)**

* 1.	TAHAP PEPERIKSAAN	TARIKH LULUS PEPERIKSAAN
2.		
3.		

**DOKUMEN YANG TELAH LENGKAP HENDAKLAH DIHANTAR MELALUI PENGARAH HOSPITAL  
KE:**

Timbalan Pengarah Kanan,  
Cawangan Pembangunan Profesion Perubatan,  
Bahagian Perkembangan Perubatan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 6, Blok E1 Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya

**DAN / ATAU**

Melalui E-mel : [urusetiaparallel@moh.gov.my](mailto:urusetiaparallel@moh.gov.my) (dalam bentuk fail dokumen PDF)

**SERTA SATU SALINAN DOKUMEN KEPADA**

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)

} Dokumen Asal (*Hardcopy*)

\*Sila sertakan salinan transkrip/sijil peperiksaan bersama nombor kolej/ID peperiksaan yang telah disahkan

## BORANG AKU JANJI

Saya \_\_\_\_\_,

No Kad Pengenalan \_\_\_\_\_ mengaku

bahawa segala maklumat dalam "BORANG PERMOHONAN PENDAFTARAN  
*TRAINEE* PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN *PARALLEL PATHWAY* DI  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA" serta dokumen yang disertakan adalah betul  
dan benar. Saya juga faham sekiranya maklumat yang diberikan adalah didapati palsu,  
saya boleh dikenakan tindakan termasuklah tindakan tata tertib dan jika berkaitan  
pewartaan sebagai Pakar Perubatan tidak akan dilaksanakan.

Yang Benar,

Disokong oleh,

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pemohon)

Nama :

No. Pendaftaran MMC :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Rasmi :

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Ketua Jabatan)

Nama :

No. Pendaftaran MMC :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Rasmi :

LAMPIRAN B

**SENARAI SEMAK BORANG PERMOHONAN PENDAFTARAN *TRAINEE* PROGRAM  
LATIHAN KEPAKARAN *PARALLEL PATHWAY* DI KEMENTERIAN KESIHATAN  
MALAYSIA**

Bil	Senarai Semak	Ya / Tidak	Tarikh Semakan
1	Borang Pendaftaran BPAR2019 telah diisi dengan lengkap dan jelas		
2	Salinan sah keputusan peperiksaan dilampirkan		
3	Salinan sah dokumen sokongan latihan dilampirkan (jika ada)		
4	Borang Aku Janji telah diisi dengan lengkap dan jelas serta ditandatangani pemohon		
5	Borang Aku Janji telah ditandatangani Ketua Jabatan (Klinikal) pemohon		
6	Surat iringan ( <i>Cover letter</i> ) dari Pusat Tanggungjawab		

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

( Tandatangan Pemohon )

(Tandatangan Pegawai)

Nama :

Nama :

No. Pendaftaran MMC:

Jawatan :

Jawatan :

Tarikh :

Tarikh :

**Kegunaan Unit PGMSS KKM**

Tarikh Terima Permohonan : Tarikh Semakan Permohonan :

Dokumen Lengkap : Ya / Tidak

Ulasan :

Tindakan Susulan :

Tandatangan  
Penyemak Dokumen :

*Ummot*

**BORANG PERMOHONAN PENDAFTARAN TRAINEE PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN  
PARALLEL PATHWAY DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Sila isikan borang dalam HURUF BESAR (melainkan alamat e-mel)

1.	Negeri	NEGERI SEMBILAN		
2.	Hospital	REMBAU		
3.	Jabatan Bertugas	JABATAN KECEMASAN		
<b>MAKLUMAT PEGAWAI PERUBATAN</b>				
1.	Nama Penuh	JAAFAR SEREMBAN		
2.	No. Kad Pengenalan	890229-06-9999	Umur	29
3.	Jantina	LELAKI	Bangsa	MELAYU
4.	No. Telefon bimbit	019-8888844		
5.	Alamat E-mel	jaafarseremban@kkm.com		
6.	No Pendaftaran MMC	11222	Penuh / Sementara	
<b>MAKLUMAT PERKHIDMATAN</b>				
1.	Tarikh Latihan Siswazah	Mula : 01.01.2013	Tamat : 31.12.2014	
2.	Jenis Lantikan	Tetap / Kontrak		
3.	Tarikh Pengesahan Jawatan (bagi Pegawai Perubatan Lantikan Tetap)	01.01.2015		
<b>BIDANG LATIHAN KEPAKARAN YANG DIPOHON (Satu Bidang Sahaja)</b>				
<b>PERUBATAN DALAMAN</b>				
*	<b>TAHAP PEPERIKSAAN</b>	<b>TARIKH LULUS PEPERIKSAAN</b>		
1.	MRCP PART 1	30.11.2018		
2.	-	-		
3.	-	-		

**BORANG YANG TELAH LENGKAP HENDAKLAH DIHANTAR MELALUI PENGARAH HOSPITAL KE:**

Timbalan Pengarah Kanan, Cawangan Pembangunan Profesion Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 6, Blok E1 Parcel E, Presint 1, 62590 Putrajaya	} Dokumen Asal ( <i>Hardcopy</i> )
<b>DAN / ATAU</b> Melalui E-mel : <a href="mailto:urusetl aparallel@moh.gov.my">urusetl aparallel@moh.gov.my</a> (dalam bentuk <i>softcopy</i> PDF)	
<b>SERTA SATU SALINAN DOKUMEN KEPADA</b>	
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)	

\*Sila sertakan salinan transkrip/sijil peperiksaan bersama nombor kolej/ID peperiksaan yang telah disahkan



## BORANG AKU JANJI

Saya JAAFAR SEREMBAN,

No Kad Pengenalan 890229-06-9999 mengaku bahawa segala maklumat serta dokumen yang disertakan dalam "PERMOHONAN PENDAFTARAN TRAINEE PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN PARALLEL PATHWAY DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA" adalah betul dan benar. Saya juga faham sekiranya maklumat yang diberikan adalah didapati palsu, saya boleh dikenakan tindakan termasuklah tindakan tata tertib dan jika berkaitan pewartaan sebagai pakar perubatan tidak akan dilaksanakan.

Yang Benar,

Disokong oleh,



( Tandatangan Pegawai )

( Tandatangan Ketua Jabatan )

Nama : JAAFAR SEREMBAN

Nama : DR. LIM MO SIN

No. Pendaftaran MMC : 11122

No. Pendaftaran MMC: 99977

Jawatan : Pegawai Perubatan UD48

Jawatan : Pakar Perubatan UD54

Tarikh : 01.01.2018

Tarikh : 01.01.2018

Cop Rasmi

Dr. Lim Mo Sin  
No. Pendaftaran MMC : 99977  
MD, MRCP(Ire)  
Pakar Perubatan UD54  
Hospital Rembau